

## **BAB PERTAMA**

### **DEFINISI PEMINJAMAN**

## BAB 1: DEFINISI PEMINJAMAN

---

Dalam memberi definisi kepada peminjaman ini kita dapati tidak ada satu definisi yang tetap dan sumpurna, bahkan ahli-ahli linguistik dan gramatika bahasa Arab telah mendefinisikanya dengan berbagai cara dan bentuk.

Antaranya ialah:-

- a) Al-Jauhariy di dalam kitanya "Al-Sihāh" telah mendefinisikan pemijaman itu dengan katanya "*Peminjaman perkataan-perkataan asing yang dilakukan oleh orang-orang Arab sehingga berlaku penuturan mulut ke mulut di kalangan mereka serta dituturkan mengikut kaedah bahasa mereka*".<sup>(1)</sup>
- b) Al-Sayūṭiy di dalam kitabnya "Al-Muzhir" telah mendefinisikan peminjaman itu ialah "*Lafaz-lafaz daripada bahasa asing yang digunakan oleh orang-orang Arab dan diletakkan kepada makna-makna yang tertentu*".<sup>(2)</sup>
- c) Al-Khafājiy telah mendefinisikan peminjaman itu dengan katanya "*Ketahuilah bahawa peminjaman itu ialah memindahkan perkataan-perkataan dari bahasa asing ke dalam bahasa Arab*".<sup>(3)</sup>
- d) Kamus "Al-Mu<sup>ṣ</sup>jam al-Wasīt" pula menyebut peminjaman

itu ialah "Pembentukan perkataan dengan perkataan Arab semasa pemindahan perkataan asing kepada bahasa Arab".<sup>(4)</sup>

e) Abd al-Qādir al-Maghribiy di dalam bukunya "Al-Isytiqāq Wa al-Tarīb" mendefinisikan peminjaman itu dengan katanya "Memindahkan perkataan-perkataan asing ke dalam bahasa Arab".<sup>(5)</sup>

f) Muḥammad al-Āntākiy di dalam bukunya "Al-Wajīz Fi Fiqh al-Lughat" berkata peminjaman itu ialah "Menceduk perkataan-perkataan asing dan disesuaikannya dengan bahasa Arab".<sup>(6)</sup>

g) Dr. Abd al-Rahman Hammād berkata "Peminjaman itu ialah apabila orang-orang menggunakan perkataan-perkataan yang asalnya bukan bahasa Arab dan digunakan untuk sesuatu makna yang tertentu sehingga ianya sebatasi menjadi perbedaharaan kata bahasa Arab dan boleh pula diisyiqāq (dipecahkan) sebagaimana berlaku kepada perkataan-perkataan Arab itu sendiri. Perkataan-perkataan pinjaman itu pula sejahter dengan wazan ḥarfi bahasa Arab dan sejahter pula dengan sīghat bahasa Arab".<sup>(7)</sup>

h) Dr. Ibrāhīm Riyādh di dalam bukunya berjudul "Ittijāhāt al-Bahth al-Lughawiy al-Hadīth" telah berkata peminjaman itu ialah "Melafazkan perkataan-

*perkataan asing dengan menggunakan huruf-huruf Arab dan bentuk perkataannya pula hendaklah diubah mengikut mana-mana wazan ṣarfi bahasa Arab".<sup>(8)</sup>*

- i) Dr. Syābān ‘Abd al-‘Azīm mendefinisikan peminjaman itu dengan katanya "*Peminjaman itu ialah meminjam mufradat-mufradat yang bukan bahasa Arab tetapi digabungkan ke dalam bahasa Arab selepas dipermudahkan dan tunduk kepada sistem bahasa Arab dengan cara mengikut neraca dan miqyasnya*".<sup>(9)</sup>
- j) Tāhir al-Jazā’iriy berkata di dalam bukunya "Al-Taqrīb Li Usūl al-Ta‘rīb" Peminjaman itu ialah "*Memindah Perkataan-perkataan asing ke dalam bahasa Arab*".<sup>(10)</sup>

#### 1-1: ANALISIS KEPADA DEFINISI-DEFINISI

---

Dengan meneliti definisi-definisi yang telah diberi oleh ahli-ahli linguistik dan gramatika Arab bolehlah dibuat beberapa analisis. Di samping terdapat padanya unsur-unsur persamaan terdapat juga unsur-unsur perbezaan.

Hasil daripada analisis ini nanti kita dapat mengetahui bagaimana mereka membahagikan perkataan-perkataan yang dituturkan oleh orang-orang Arab dari

segi peminjaman ini dan perselisihan mereka juga telah membawa kepada keberlainan asas di dalam menentukan perkataan-perkataan pinjaman dan berlainan pula pada meletakkan syarat-syarat kepada peminjaman itu nanti.

#### 1-1-1: UNSUR-UNSUR PERSAMAAN.

---

Di antara unsur persamaan yang telah diletakkan oleh mereka ialah:

1) Bahawa di dalam semua definisi mereka telah menentukan setiap perkataan pinjaman itu hendaklah ianya berasal daripada perkataan asing.

Unsur ini boleh dikira sebagai asas kepada definisi peminjaman.

2) Dapat difaham secara keseluruhan daripada semua definisi di atas bahawa hendaklah perkataan-perkataan yang dipinjam itu dipertuturkan oleh orang-orang Arab sehingga digunakan dengan meluas di kalangan mereka dan ianya juga menjadi sebahagian daripada perbendaharaan kata bahasa mereka.

#### 1-1-2: UNSUR-UNSUR PERBEZAAN

---

Di antara unsur-unsur perbezaan yang dapat

difahami daripada definisi-definisi di atas ialah:-

1) Setengah mereka menamakan sesuatu perkataan itu perkataan pinjaman sekiranya ia tunduk kepada sistem bahasa Arab, sejajar pula dengan wazan-wazan dan miqyas bahasa Arab. Dengan erti, sesuatu perkataan pinjaman itu hendaklah bentuk perkataan asalnya diubah , sama ada dengan cara ditambah atau dikurangkan huruf asalnya atau ditukar dengan huruf yang sesuai dengan bentuk dan buniyi huruf-huruf Arab sehingga bentuk perkataannya juga berbetulan atau sama dengan wazan-wazan yang telah sedia ada di dalam bahasa Arab. Jika tidak, ianya tidak boleh dinamakan perkataan pinjaman.

Unsur ini dapat kita perhatikan pada definisi-definisi yang di berikan oleh ahli-ahli linguistik dan gramatika Arab moden seperti Dr. Sya‘bān ḤAbd al-ḤAzīm, Dr. Ibrāhīm Riyādh, Dr. ḤAbd al-Rahmān Ḥammād dan lain-lain lagi.

Setengah daripada ahli-ahli linguistik dan gramatika Arab sama ada yang silam atau moden seperti al-Sayūṭiy, al-Khafājiy, Sibawaih, ḤAbd al-Qādir al-Maghribiy, Muhammad al-ṬAntākiy, Tāhir al-JazāPiriyy dan para pengikutnya, mereka tidak mensyaratkan pengubahan pada perkataan pinjaman itu supaya sesuai dengan mana-mana wazan dan miqyas bahasa Arab. Jika

asalnya daripada perkataan asing dan telah dituturkan oleh orang-orang Arab maka ianya boleh dinamakan perkataan pinjaman, tidak kira sama ada di ubah atau tidak.

Pendapat ini juga dikira sebagai pendapat jamhur ahli gramatika dan ahli linguistik Bahasa Arab.<sup>(11)</sup>

#### **NATIJAH DARI PERBEZAAN PENDAPAT**

---

Natijah daripada perbezaan mereka pada mendefinisikan peminjaman ini kita dapat mengetahui perbezaan mereka pada mengklasifikasikan perkataan-perkataan Arab.

Sibawaih, al-Khafājiy dan para pengikutnya mengklasifikasikan perkataan-perkataan Arab kepada dua jenis.<sup>(12)</sup>

Ianya seperti berikut:-

a) Perkataan-perkataan Arab yang asal. Misalnya:-

- ضرب (daraba)
- كتاب (kataba)
- رجل (rajulun)
- فرس (farasun)

perkataan-perkataan ini dan yang seumpamanya merupakan perkataan Arab yang asal.

b) Perkataan-perkataan pinjaman dari berbagai bahasa.

Misalnya:-

درهم (dirham)

بهراج (bahraj)

فيرند (firind)

آجور (ājur)

Semua perkataan di atas merupakan perkataan-perkataan pinjaman yang dipinjam daripada bahasa Farsi.

Al-Jauhary , Abū Ḥayyān dan para pengikutnya mengklasifikasikan perkataan-perkataan Arab itu kepada tiga jenis.<sup>(13)</sup>

Ianya seperti berikut:-

a) Perkataan-perkataan daripada bahasa Arab yang asal sebagaimana contoh di atas.

b) Perkataan-perkataan yang dipinjam dari berbagai-bagai bahasa oleh orang-orang Arab serta ianya mengikut gaya dan sistem bahasa Arab atau ianya disesuaikan dengan wazan dan miqyasnya. Seperti:-

درهم (dirham), perkataan ini dikiaskan dengan perkataan Arab هجرة (hijra<sup>4</sup>).

بهراج (bahraj), perkataan ini dikiaskan dengan perkataan Arab سلاب (salhab).

كُركُم (kurkum). Perkataan ini dikiaskan dengan perkataan Arab قُنْقُم (qumqum).

Perkataan-perkataan seperti ini dari segi bentuk perkataannya telah diubah sama ada dengan cara ditambah atau dikurang atau pun ditukar huruf-huruf asalnya supaya bersesuaian dengan bahasa Arab.<sup>(14)</sup>

c) Perkataan-perkataan yang dituturkan oleh orang-orang Arab dengan tidak diubah daripada bentuk asalnya serta ianya juga tidak boleh dikiaskan dengan mana-mana wazan ḥarfī yang terdapat di dalam bahasa Arab, bahkan ianya dikekalkan dan digunakan sebagaimana bentuk perkataan asal. Seperti:-

خَرَاسَان (Khurāsān)

إِبْرَاهِيم (Ibrāhīm)

إِطْرِيفِيل (Iṭrīfi'l)

إِهْلِلَاج (Ihlīlāj)

إِبْرَيْسَم (Ibraisam)

أَجَّر (Ajarr)

شَطَرْنَج (Syatranj)

Perkataan-perkataan seperti di atas atau seumpamanya kesemuanya tidak dapat dikiaskan dengan mana-mana wazan ḥarfī yang terdapat di dalam bahasa Arab, kerana tidak ada wazan-wazan ḥarfī seperti:-

فَعَالَان (fu'ālān) untuk dikiaskan dengan perkataan خَرَاسَان (Khurāsān).

**افعالٍ** (if‘ālīl) untuk dikiaskan dengan perkataan **إِبْرَاهِيمٌ** (Ibrāhīm).

**افعيلٍ** (if‘īlīl) untuk dikiaskan dengan perkataan **إِطْرِيفِيلٍ** (Iṭrīfil).

**افعيلٍ** (if‘īlāl) untuk dikiaskan dengan perkataan **إِهْلِيلَاجٍ** (Ihlīlāj).

**افعيلٍ** (if‘ailāl) untuk dikiaskan dengan perkataan **إِبْرَيْسَامٍ** (Ibraisam).

**فَاعِلٌ** (fā‘āl) untuk dikiaskan dengan perkataan **أَجَرٌ** (ājarr).

**فَعْلٌ** (fa‘lall) untuk dikiaskan dengan perkataan **شَطَرْنَجٍ** (syatranj).

Ketiadaan bentuk wazan-wazan ḥarfī di atas menunjukkan perkataan-perkataan tersebut ditutur dan digunakan oleh orang-orang Arab sepetimana bentuk dan bunyi perkataan asalnya.

Selain daripada tiga jenis perkataan di atas, kita juga dapati setengah daripada perkataan-perkataan pinjaman telah mengalami pengubahan pada bentuk asalnya, tetapi ianya tidak dapat dikiaskan dengan mana-mana wazan ḥarfī yang terdapat di dalam bahasa Arab.

Sebagai contoh; perkataan **سَاهَانْسَاهٌ** (*syahansyāh*). Perkataan ini berasal daripada bahasa Farsi; Bentuk

asalnya tersusun dari dua perkataan iaitu; شَاهَانْ (shāhān) dan شَاهْ (shāh).

Perkataan ini walaupun berlaku pengubahan padanya setelah dipinjamkan ke dalam bahasa Arab tetapi tidak ada di dalam bahasa Arab wazan sarfi فَانِلَّا (fa'anlāh) untuk dikiaskan kepadanya.<sup>(15)</sup>

Kewujudan perkataan-perkataan seumpama inilah yang menjadi antara sebab kenapa Sibawaih bersama setengah ahli-ahli gramatika Arab berpendapat bahawa kata pinjaman itu ialah semata-mata perkataan asing yang ditutur dan digunakan oleh orang-orang Arab dalam bahasa mereka.

Dalam menentukan perkataan pinjaman mereka telah mensyaratkan ada pengubahan pada bentuk asalnya supaya sesuai dengan bentuk bahasa Arab atau ianya boleh dikiaskan dengan mana-mana wazan sarfi bahasa Arab. Tetapi perkataan pinjaman seumpama ini amat sedikit terdapat di dalam bahasa Arab kalau dibandingkan dengan perkataan-perkataan yang diubah dan disesuaikan mengikut bentuk dan kaedah bahasa Arab. Sebabnya orang-orang Arab sedikit sekali meminjam perkataan-perkataan asing dengan cara ini, bahkan telah menjadi kebiasaan, mereka akan mengubah dan menyesuaikannya dengan bentuk bahasa mereka.

Oleh itu setengah daripada ahli-ahli linguistik

dan gramatika Arab seperti al-Jauhariy, Abu Hayyān dan lain-lain lagi, meletakkan "ubahsuai" kepada perkataan pinjaman itu - supaya ianya sesuai dengan bahasa Arab sebagai salah satu syarat asasi bagi membolehkan penamaan sesuatu perkataan itu sebagai perkataan pinjaman atau tidak.<sup>(17)</sup>

Inilah satu penelitian yang ditekankan oleh Jamāluddīn al-Afghāniy dengan kata-katanya "Apabila kita hendak menggunakan sesuatu perkataan asing di dalam bahasa Arab, ia tidak dibolehkan kecuali setelah perkataan itu dipakaikan dengan 'iqal dan baju Arab. Setelah itu barulah ia menjadi perkataan Arab".<sup>(18)</sup>

Yang dimaksudkan oleh beliau di sini ialah setiap perkataan yang hendak dipinjam itu perlu diubah supaya sesuai dengan bahasa Arab sebelum ditutur dan digunakan oleh mereka.

Kesimpulan yang kita dapati disini ialah, jikalau kita cenderong kepada pendapat Sibawaih dan penyokongnya iaitu tidak meletakkan "ubahsuai" kepada perkataan pinjaman sebagai syarat mutlak kepada peminjaman, kita hendaklah teliti mengamalkannya pada batas-batas yang tertentu. Jika tidak, nanti banyaklah perkataan-perkataan asing di dalam bahasa Arab standard yang membawa berbagai-bagai bentuk wazan ḥarfi yang

dulunya tidak ada di dalam bahasa Arab serta membawa banyak perkataan-perkataan dengan berbagai bentuk dan susunan yang tidak munasabah. Hasilnya nanti akan lahir bahasa "Khalāsiyyat", iaitu jenis perkataan bukan bahasa Arab dan bukan bahasa asing. Atau iaanya akan menjadi seperti bahasa Arab dialek yang terdapat dalam berbagai bentuk di merata-rata negara Arab.

- 2) Di Antara unsur perbezaan yang kita dapati dari definisi-definisi di atas juga, ialah perselisihan pendapat para ahli linguistik dan gramatika Arab mengenai perkataan-perkataan pinjaman itu sama ada boleh dilakukan padanya *isytiqāq* (*pecahan/derivasi*) atau tidak.

Mereka ini terbahagi kepada dua golongan. Iaitu:-

#### **A) GOLONGAN YANG TIDAK MENGHARUSKAN ISYTIQĀQ**

---

Golongan yang berpendapat tidak harus berlaku *isytiqāq* pada perkataan-perkataan pinjaman itu kebanyakannya terdiri daripada ahli-ahli linguistik dan gramatikia Arab silam seperti *al-Khafājiy*, *al-Jāwaliqiy*, *Abū Bakr Muḥammad al-Sariyy* dan para pengikutnya.<sup>(19)</sup>

Mereka berpendapat, perkataan-perkataan pinjaman tidak memerlukan pecahan daripada perkataan Arab dan

janganlah dijadikan setengah perkataan-perkataan Arab itu pecahan daripada perkataan asing.

Mereka mengumpamakan seperti seorang yang mengatakan "*Burung itu diperanakkan daripada ikan hūt*". Ini adalah satu perkara yang mustahil, tidak mungkin ianya akan berlaku. (20)

Di atas asas inilah setengah daripada mereka berpendapat perkataan-perkataan pinjaman itu tidak harus dikiaskan dengan mana-mana wazan ḥarfi yang terdapat di dalam bahasa Arab, kerana setiap perkataan yang hendak dikiaskan dengan sesuatu wazan ḥarfi itu hendaklah dikenali huruf-huruf asalnya dan huruf-huruf tambahan padanya. Perkara seperti ini tidak akan dapat dipastikan pada perkataan-perkataan pinjaman. (21)

Jika berlaku pada setengah-setengah perkataan, maka ianya dikira sebagai perkara *samā'i*<sup>4</sup> iaitu sebagai perkataan yang biasa didengar dalam pertuturan sahaja, tidak ada kaedah umum untuk dikiaskan dengannya.

Mereka juga berpendapat, contoh yang mengatakan bahawa perkataan إبليس (*iblīs*) adalah pecahan daripada perkataan Arab الْإِبْلَس (*al-iblās*) jelas salah. Kalau sekiranya betul nescaya perkataan إبليس

(iblis) akan ditarifkan, tetapi sebaliknya ia tidak boleh ditarifkan, tidak sebagaimana berlaku kepada perkataan-perkataan Arab lain yang asal.<sup>(22)</sup>

Dengan hujah-hujah dan bukti-bukti di atas mereka berpendapat tidak harus dilakukan pecahan pada perkataan-perkataan pinjaman.

#### B) GOLONGAN YANG MENGHARUSKAN ISYTIQĀQ

---

Para pendokong pendapat ini kebanyakannya terdiri daripada ahli gramatika dan ahli linguistik moden. Antaranya ialah Dr. Abd al-Rahman Hammād, Dr. Imīl Bādī<sup>f</sup> Ya‘cūb, Muḥammad al-Āntākiy dan lain-lain lagi.<sup>(23)</sup>

Mereka berpendapat, apabila perkataan-perkataan pinjaman itu sudah sebatas menjadi bahasa Arab, maka berlakulah ke atasnya kaedah-kaedah dan hukum-hukum bahasa Arab kecuali pada setengah-setengah keadaan dan tempat-tempat yang tertentu sahaja. Di antara kaedah-kaedah bahasa Arab yang berlaku ialah tanda-tanda *īrāb*, *ma‘rifat* dan *idāfat*, *mudāf* ilaih, *muthanna*, *jama<sup>f</sup>*, *mudhakkār* dan *mu‘annath*.

Isytiqāq juga berlaku kepada perkataan-perkataan pinjaman itu sebagaimana berlaku kepada

perkataan-perkataan Arab yang asal.<sup>(24)</sup>

Contohnya:-

Perkataan pinjaman لِجَام (lijām) dipecahkan kepada الْجَمَّ (aljama) تَلْجَمُ (taljamu) مُلَاجِمٌ (mulajjam).<sup>(25)</sup>

Daripada perkataan pinjaman فَيْلَسُوفٌ (failasūf) dipecahkan kepada فَلَسَافَةٌ (falsafat) dan تَفَلَّسَفَ (tafalsafa).<sup>(26)</sup>

Daripada perkataan pinjaman سُوقَسَطَائِي (sufsatā'i) dipecahkan kepada سَفَسَطَةٍ (safsata) dan سَفَسَطَاتٍ (safsatāt).<sup>(27)</sup>

Daripada perkataan pinjaman دِيْوَانٌ (diwān) dipecahkan kepada دَوْنَانَ (dawwana) dan تَدْوِينَانَ (tadwīnan).<sup>(28)</sup>

Daripada perkataan pinjaman دِهْقَانٌ (dihqān) dipecahkan kepada دَهْقَنَةٌ (dahqanat) dan تَدَاهْقَنَ (tadahqana).<sup>(29)</sup>

Daripada perkataan pinjaman زَنْدِيقٌ (zindiq) dipecahkan kepada زَنْدَقَةٌ (zandaqat) dan تَزَانْدَقَ (tazandaqa).<sup>(30)</sup>

Kata dasar perkataan-perkataan di atas ialah perkataan pinjaman. Ianya menjadi contoh berlakunya isytiqāq daripada perkataan-perkataan pinjaman dan

inilah yang menjadi bukti kepada mereka yang berpendapat harusnya berlaku demikian.

Dari keterangan-keterangan di atas kita dapat mengetahui dengan jelas betapa telitinya para ahli linguistik dan gramatika Arab mengenai peminjaman ini. Oleh itu setengah daripada mereka sejak dari awal-awal lagi telah menyusun dengan terperinci kitab-kitab yang khusus mengenainya. Sebagai contoh, al-Khafājiy dengan kitabnya "Syifa' al-Ghalīl Fi Kalām al-Ārab", al-Jawāliqiy dengan kitabnya "al-Mu'arrab", al-Sayūtiy dengan kitabnya "al-Muhadhdhab" dan "al-Muzhīr".

Selain itu setengah para penyusun kamus juga telah menganalisis dan mengklasifikasikan perkataan-perkataan pinjaman ini dengan teliti serta memberi perhatian yang khusus . Sebagai contoh, kita dapat lihat bagaimana yang dilakukan oleh Ibn Fāris dengan kamusnya "Mujmal al-Lughat" . Beliau telah menyusun dengan cukup teliti dengan cara memberi keterangan dan meletakkan tanda-tanda khusus jika sesuatu perkataan itu perkataan pinjaman.

Antara caranya, beliau menyebut apakah bahasa asal kepada perkataan pinjaman tersebut serta menyatakan pula dari mana perkataan itu diambil.

Contohnya perkataan الظَّرَازُ (*al-ṭarāz*) . Selepas menyebut

perkataan itu beliau menerangkan dengan katanya:

" الْطَّرَازُ : فَارِسِيٌّ مُعَرَّبٌ ; اِنْظُرْ الْمُعَرَّبَ"

Yang bermaksud: (*Al-tarāz* itu perkataan pinjaman daripada bahasa Farsi. Sila lihat di dalam kitab *al-Mu'arrab* h.223).<sup>(30)</sup>

Apabila berlaku keraguan terhadap sesuatu perkataan itu sama ada ianya perkataan pinjaman atau tidak, beliau cuba menjelaskan dengan memberi bukti dan menyebut kata-kata ahli gramatika. Ini bertujuan mengelakkan berlakunya salah sangka dan kekusutan terhadap sesuatu perkataan itu. sebagai contoh perkataan الْتَّوْرُ (al-tawr). Beliau menjelaskan dengan katanya:-

(الْتَّوْرُ عَرَبِيٌّ ، قَالَ ابْنُ دُرَيْدٍ : الْتَّوْرُ الرَّسُولُ بَيْنَ الْقَوْنِ عَرَبِيٌّ  
صَحِيفَةٌ )

bermaksud: (*Perkataan al-tawr ialah perkataan Arab. Ibn Duraid berkata : " Al-tawr, ertiinya rasul (utusan) kepada sesuatu kaum, perkataan ini adalah perkataan Arab yang sah".*)<sup>(31)</sup>

Beliau menyebut demikian kerana terdapat setengah orang menyangka perkataan ini perkataan pinjaman sebagaimana yang disangkakan oleh Abū Ubaid dengan katanya: "Daripada Abū Ubaidat menyatakan "al-tawr" perkataan pinjaman daripada bahasa Farsi".<sup>(32)</sup>

Kadangkala beliau memberi keterangan kepada perkataan pinjaman dengan makna yang jelas, seperti katanya:-

(اَكْتَيَابُودْ : تَوْبَلَهُ سَدِيَانُ وَهُوَ قَارِسِيٌّ)

bermaksud: (*Perkataan aktīyābūd* (al-dayābūd) *pakaian yang ditenun dengan dua tenunan yang memanjang dan perkataan ini berasal daripada bahasa Farsi*).<sup>(33)</sup>

Kadangkala pula beliau menyebut nama asal bagi perkataan pinjaman di dalam bahasa pertama, seperti katanya:-

(وَالْمَسُونُ : هُوَ الَّذِي يُسَمَّى بِالْقَارِسِيَّةِ بَاتْرَهَرْ)

bermaksud: (*Dan perkataan masūn* (al-masūs) itu ialah apa yang dinamakan di dalam bahasa Farsi باترهار (batrhar).<sup>(34)</sup>

Inilah antara bukti bahawa para ahli gramatika dan ahli linguistik Arab telah memberi perhatian yang begitu teliti terhadap peminjaman ini. Selain itu banyak lagi cara-cara lain bagi mereka di dalam memberi perhatian terhadapnya sehingga ada di kalangan mereka meletakkan peminjaman itu sebagai salah satu *mashādir* (*sumber*) dari sumber-sumber bahasa Arab.

Dr. ḤAbd al-Ḥamīd al-Syalqāniy di dalam bukunya "Mashādir al-Lughat" meletakkan peminjaman itu sebagai sumber ke empat selepas al-Qurān, al-Sunnah, dan Sya'ir-Sya'ir Arab.

Mengikut pendapatnya ,di antara yang menjadi sumber kepada bahasa Arab itu ialah perkataan yang dituturkan oleh orang-orang Arab itu sendiri, manakala antara yang ditutur oleh mereka ialah perkataan-perkataan yang dipinjam dari bahasa-bahasa lain sehingga menjadi sebatи di dalam bahasa mereka. Ini menunjukkan peminjaman itu dikira sebagai salah satu sumber kepada bahasa Arab. <sup>(35)</sup> .

oooooooooooooooooooo

## NOTA KAKI

- 
- (1) Al-Jauhariy. Al-Imām Abū Naṣr Ismaīl bin Ḥammād al-Fārabiyy al-Jauhariy, Tāj al-Lughat Wa Sahīh al-Ārabiyyat, Matba'at Dār Lilmalāyīn, Beirut, Lubnan. Cetakan Ketiga 1984. h.179.
  - (2) Al-Sayūṭiy. Al-Allāmat Ābd al-Rahmān Jalāluddīn al-Sayūṭiy, al-Muzhir Fi 'Ulūm al-Lughat Wa 'Anwā'iḥā, Percetakan Dār 'Ihyā' al-Ārabiyyat. 1/268.
  - (3) Al-Khafājiy. Al-Allāmat Syaikh al-Islām Syihābuddīn Aḥmad bin Muḥammad bin 'Umar al-Khafājiy al-Misriy, Syifā' al-Ghalīl Fi Kalām al-Ārab Min al-Dkāhīl. Maktabat al-Haram al-Husainiy. Cetakan Pertama 1952. h.3.
  - (4) Majma' al-Lughat al-Ārabiyyat . Mesir, al-Mu'jam al-Wasīt. Cetakan Kedua 1972. 2/591.
  - (5) Lihat Imīl Bādī' Ya'qūb, Dr., Fiqh al-Lughat al-Ārabiyyat Wa Khasā'isuhā. Cetakan Dār al-'Ilmi Lilmalāyīn. Cetakan Kedua. 1986. h.315.
  - (6) Muhammad al-Āntākiy , al-Wajīz Fi Fiqh al-Lughat. Matba'at Dār al-Syarq, Halab. Cetakan Ketiga. 1969. h.442.

- (7) Ahmad ʻAbd al-Rahman Hammād, Dr., Awāmil al-Tatawwur al-Lughawiy. Dar al-Andalus. Cetakan Pertama. 1983. h.85.
- (8) Riyādh Qāsim, Dr., Ittijāhāt al-Baḥth al-Lughawiy al-Hadīth Fi al-Ālam al-Ārabiyy. Mu'assasat al-Naufal . Beirut. Lubnan. Cetakan Pertama. 1982. h. 51.
- (9) Sya‘bān ʻAbd al-Āzīm ʻAbd al-Rahman, Dr., Qutūf Min Fiqh al-Ārabiyyat. Matba‘at al-Āmānat. Kaherah. h.60.
- (10) Lihat Imīl Bādī‘ Ya‘qūb, Dr., Fiqh al-Lughat al-Ārabiyyat Wa khsāṣiṣuhā, h.215.
- (11) Lihat al-Āntākiy, al-Wajīz Fi Fiqh al-Lughat, h.242.
- (12) Ibid. h.443
- (13) Ibid.
- (14) ʻAbd al-Rahman Hammād, Dr., Awāmil Al-Tatawwur al-Lughawiy, h.86.
- (15) Lihat al-Jawāliqiy, al-Mu‘arrab, h.208, Imīl Bādī‘ Ya‘qūb, Fiqh al-Lughat al-Ārabiyyat Wa Khsāṣiṣuhā, h.216.

- (16) Lihat Imīl Bādī<sup>q</sup> Ya<sup>c</sup>qūb, Dr. Fiqh al-Lughat al-Ārabiyyat Wa Khasā<sup>p</sup>isuhā, h.216.
- (17) Lihat ibid.
- (18) Lihat ibid.
- (19) Lihat al-Jawālīqiy, al-Mu<sup>c</sup>arrab, h.3, al-Khafājiy,  
Syifa<sup>p</sup> al-ghalīl, h.23, al-Sayūtiy, al-Muzhir,  
1/287.
- (20) Lihat al-Jawālīqiy, al-Mu<sup>c</sup>arrab, h.5, al-Khafājiy,  
Syifa<sup>p</sup> al-Ghalīl, h.23, al-Sayūtiy , al-Muzhir,  
1/286.
- (21) Lihat al-Khafājiy, Syifa<sup>p</sup> al-Ghalīl, h.23.
- (22) Al-Jawālīqiy, al-Mu<sup>c</sup>arrab, h.7.
- (23) Lihat Muḥammad al-Antākiy, al-Wajīz Fi Fiqh al-Lughat, h.449, ḤAbd al-Rahmān Hammād, Dr.,  
Āwāmil al-Tatawwur al-Lughawiy, h.91, Imīl Bādī<sup>q</sup> Ya<sup>c</sup>qūb, Dr., Fiqh al-Lughat al-Ārabiyyat, h.221.
- (24) Lihat Muḥammad al-Antākiy, al-Wajīz Fi Fiqh al-Lughat, h.449.
- (25) Luwais al-Ma<sup>c</sup>lūf, al-Munjid Fi al-Lughat Wa al-I‘lām, Dār al-Masyriq, Beirut. Cetakan Kedua Puluh. 1969. h.714.
- (26) Ibid, h. 593.

(27) Ibid, h.332.

(28) Ibid, h.230.

(29) Ibid, h.227.

(30) Ibn Fāris, al-Ḥusain Muḥammad bin Zakaria  
al-Lughawiy, Mujmal al-Lughat, Mu'assasat  
al-Risālat, Beirut. Cetakan Kedua 1986. 2/594.

(31) Ibid. 1/151.

(32) Lihat al-Jawāliqiy, al-Mu'arrab, h.86.

(33) Ibn Fāris, Mujmal al-Lughat, 2/320.

(34) Ibid. 3/815.

(35) Ḥabd al-Ḥamīd al-Syalqāniy, Dr., Masādir al-Lughat,  
al-Syarikat al-Āmmat Li al-Nasyr Wa al-Tauzi,  
Terablus, Libya. Cetakan Pertama, 1977. h.445.

\*\*\*\*\*